

15 JAN 2003

Isa-Islam

NEGERI SEMBILAN BENTANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI SIDANG DUN

SEREMBAN, 15 Jan (Bernama)-- Kerajaan Negeri Sembilan akan membentangkan undang-undang keluarga Islam pada persidangan Dewan Undangan Negeri akan datang, sebelum ia diwartakan, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata, undang-undang itu meliputi mengenai pentadbiran agama Islam, tata cara Mahkamah Syariah, tata cara jenayah Islam dan undang-undang keluarga Islam.

"Rang undang-undang itu perlu dibentangkan dahulu ke Dewan Undangan Negeri sebelum ianya diwartakan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalam yang meminta kerajaan negeri mewartakan undang-undang keluarga Islam secepat mungkin ke arah menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman perundangan Islam termasuk yang menyentuh soal poligami.

Mohamed Isa berkata kerajaan negeri sebenarnya sudahpun menubuhkan jawatan kuasa teknikal di peringkat negeri mengenai pelaksanaan rang undang-undang keluarga Islam di negeri ini.

"Kerajaan Negeri sudah menerima pakai undang-undang keluarga Islam seperti yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan dengan melakukan beberapa pindaan. Pewartaan untuk tujuan penyeragaman undang-undang keluarga Islam di negeri ini bukan satu masalah," katanya.

Sementara itu katanya, sebuah kompleks Terminal bas yang baru dikenali "Terminal Two" akan dibina berhampiran Terminal One yang sedia ada di sini.

Katanya pembinaan kompleks itu yang akan dimulakan tahun ini adalah dikhaskan untuk bas ekspres sahaja.

Menurutnya pembinaan kompleks itu bagi menampung kesesakan yang berlaku di Terminal One.

-- BERNAMA

AS RP RHM